

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM
(BERUAS)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 16.05.2016

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula RM80 bilion peruntukan untuk membina Mass Rail Transit (MRT) dan Light Rail Transit (LRT) di kawasan Lembah Klang hingga ia menjejaskan peruntukan penyelenggaraan jalan dan pembinaan jalan di lain-lain kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk melaksanakan Projek MRT dan LRT di kawasan Lembah Klang kerana ia dapat memberi impak yang positif kepada rakyat melalui

penyediaan sistem pengangkutan awam rel yang cekap, selesa, selamat dan berintegrasi. Bagi merealisasikan komitmen berkenaan, Kerajaan telah memberi mandat kepada syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) iaitu Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd untuk menyiapkan Projek MRT dan projek LRT dilaksanakan oleh Prasarana Malaysia Bhd.

Kedua-dua syarikat juga dipertanggungjawabkan untuk mendapatkan dana bagi menampung kos projek. Oleh yang demikian, peruntukan bagi kedua-dua projek berkenaan telah dimuktamadkan serta ianya tidak menjejaskan peruntukan penyelenggaraan dan pembinaan jalan.